

03 JUL 2002

Mahathir-Pendang

DR MAHATHIR YAKIN BN DAPAT TAWAN PENDANG, ANAK BUKIT

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) dapat menawan semula kerusi Parlimen kawasan Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah kawasan Anak Bukit pada pilihan raya kecil 18 Julai ini.

"Kita boleh menghadapi parti lawan walaupun ini adalah kawasan parti lawan," katanya pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang pagi ini sekembalinya daripada percutian di sekitar kepulauan Mediterranean.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, ditanya mengenai persiapan BN bagi menghadapi pilihan raya serentak bagi kedua-dua kerusi itu, yang diadakan berikutan kematian penyandanginya yang juga Presiden PAS Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lepas.

Penamaan calon ditetapkan pada 10 Julai.

Dr Mahathir berkata BN telah lama membuat persiapan untuk menghadapi pilihan raya dan beliau yakin jentera BN telah bersedia menghadapi pilihan raya kecil berkenaan.

"Saya yakin jentera parti sudah siap dan tidak ada masalah dengan dasar-dasar parti," katanya.

Pada pilihan raya umum 1999, Fadzil menewaskan calon Barisan Nasional (BN) Datuk Othman Abdul dengan majoriti 2,934 undi bagi memenangi kerusi Pendang.

Bagi kerusi DUN Anak Bukit pula, beliau memperolehi majoriti 1,840 undi dengan mengalahkan calon BN Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin.

-- BERNAMA

RZS AZZ NMO